



Rujukan : UKM.PDF.100-1/3/1

Tarikh : 12 Mac 2024

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 3/2024**

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua  
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Hospital Pengajar/ Kolej Kediaman  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PINDAAN GARIS PANDUAN PENINGKATAN GRED PROFESOR DARI GRED KHAS C (VK7) KE GRED KHAS B (VK6) DAN PROFESOR GRED KHAS B (VK6) KE GRED KHAS A (VK5)**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil.1/ 2024 bertarikh 18 Januari 2024 telah bersetuju meluluskan pindaan Garis Panduan Peningkatan Gred Profesor Dari Gred Khas C (VK7) ke Gred Khas B (VK6) dan Profesor Gred Khas B (VK6) ke Gred Khas A (VK5).

3. Bersama-sama ini, dilampirkan :

- i. Pindaan Garis Panduan Peningkatan Gred Profesor Dari Gred Khas C (VK7) ke Gred Khas B (VK6) dan Profesor Gred Khas B (VK6) ke Gred Khas A (VK5) UKM (Lampiran 1); dan
- ii. Borang Senarai Semak Permohonan Peningkatan Khas Profesor (UKM-SPKPPP-PT(P)01-JP-AK07-SS01).

4. Sebarang pertanyaan/maklumat lanjut mengenainya, YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai berikut:

| Bil. | Nama/Jawatan/Jabatan   | Alamat e-mel             | No.Telefon   |
|------|--|--------------------------|--------------|
| 1.   | Tuan Haji Zanudin Mohd. Daud<br>Timbalan Pendaftar Kanan<br>Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar | tpbsm@ukm.edu.my         | 03-8911 8221 |
|      | Cik Fadhilah Hasan<br>Penolong Pegawai Tadbir<br>Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar            | fadhilahhasan@ukm.edu.my | 03-8911 8259 |
|      | Puan Dalila Ishak<br>Pembantu Setiausaha Pejabat<br>Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar         | dalila@ukm.edu.my        | 03-8911 8221 |



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <https://www.ukm.my/pendaftar/>

5. Sukacita, pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat menghebahkan perkara ini kepada semua staf akademik di Pusat Tanggungjawab masing-masing.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"ILMU, MUTU DAN BUDI"**

Yang benar,



**DATO' DR. SYED KAMARUDIN BIN HJ. SADAKKUTHULLA**  
Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor  
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor  
- Bendahari  
- Ketua Pustakawan  
- Penasihat Undang-Undang  
- Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz  
- Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani  
Hospital Pakar Kanak-kanak UKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <https://www.ukm.my/pendaftar/>

**ILMU, MUTU DAN BUDI**

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)

**SENARAI SEMAK PENINGKATAN GRED KHAS PROFESOR**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENINGKATAN GRED PROFESOR  
DARI GRED KHAS C (VK7) KE GRED KHAS B (VK6) DAN DARI GRED  
KHAS B (VK6) KE GRED KHAS A (VK5)**

(Sila tandakan (√) pada ruangan/ kotak yang disediakan)

NAMA PEMOHON : .....

UKM(PER) : .....

JABATAN : .....

FAKULTI/INSTITUT/PUSAT :

**A. SYARAT KELAYAKAN**

| BIL. | PERKARA   | ADA                                | TIADA | SEMAKAN<br>BSM |
|------|---|------------------------------------|-------|----------------|
| 1.   | Syarahan Perdana  | <i>Tarikh:<br/>Tajuk:</i>          |       |                |
| 2.   | Profesor berjawatan Tetap   | <i>PTJ Hakiki:</i>                 |       |                |
| 3.   |   | <b>Tempoh<br/>Tahun Berkhidmat</b> |       |                |
|      | i. Prof. Gred Khas C ke B   | > 3 tahun                          |       |                |
|      | ii. Prof. Gred Khas B ke A  | > 2 tahun                          |       |                |
|      | iii. Calon yang tidak memenuhi perkara 3(i) atau 3(ii) tetapi mempunyai prestasi luar biasa   |                                    |       |                |
|      | iv. Calon yang akan bersara wajib (umur persaraan 55, 56, 58 dan 60 tahun) tempoh pencalonan adalah satu(1) tahun sebelum tarikh bersara wajib. |                                    |       |                |

**SENARAI SEMAK PENINGKATAN GRED KHAS PROFESOR**

**B. KRITERIA**

| BIL.  | PERKARA   | ADA | TIADA | SEMAKAN BSM |
|---|---|-----|-------|-------------|
| 1.  | <b>PENDIDIKAN</b>   |     |       |             |
|   | i. Melaksanakan tugas pengajaran yang berkesan seperti yang ditetapkan oleh PTJ       |     |       |             |
|   | ii. Menghasilkan kaedah pengajaran yang inovatif                                      |     |       |             |
|   | iii. Mendapat penilaian yang tinggi dari pelajar secara konsisten                     |     |       |             |
|   | iv. Menerima anugerah pengajar cemerlang sekurang-kurangnya di peringkat PTJ atau UKM |     |       |             |
|   | v. Melibatkan diri secara aktif di dalam penambahbaikan atau pembangunan kurikulum    |     |       |             |
|   | vi. Memberi sumbangan yang bermakna kepada pengurusan/kepimpinan program akademik     |     |       |             |
|   | vii. Kaedah pengajaran yang inovatif  |     |       |             |
|   | viii. Melibatkan diri dengan penyeliaan pelajar                                       |     |       |             |
| 2.  | <b>PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN</b>  |     |       |             |
|   | <b>2.1 PENYELIDIKAN</b>   |     |       |             |
|   | i. Dana dalam dan luar negara   |     |       |             |
|   | ii. Menyelia pelajar siswazah   |     |       |             |
|   | iii. Menghasilkan inovasi dan pengkomersialan   |     |       |             |
|   | iv. Jaringan penyelidikan dengan pihak luar   |     |       |             |
|   | v. Kepimpinan penyelidikan  |     |       |             |
|   | vi. Impak penyelidikan (termasuk kertas polisi dan sebagainya)                        |     |       |             |
|   | vii. Rundingan penyelidikan   |     |       |             |
|   | <b>2.2 PENERBITAN</b>   |     |       |             |
|   | i. Penulisan dalam Jurnal berimpak tinggi   |     |       |             |
| ii. Menghasilkan buku hasil penyelidikan yang berimpak. |   |     |       |             |
| 3.  | <b>SANJUNGAN DAN PENGIKTIRAFAN</b>  |     |       |             |
|   | i. <i>Keynote address</i> (ucap utama)  |     |       |             |
|   | ii. Menganggotai Jawatankuasa antarabangsa dalam bidang masing-masing                 |     |       |             |
|   | iii. Dijemput sebagai Pemeriksa Luar/Penilai Program                                  |     |       |             |
|   | iv. Anugerah dan pengiktirafan  |     |       |             |
|   | v. Dipinjamkan ke organisasi luar sesuai dengan bidang kepakaran                      |     |       |             |

**SENARAI SEMAK PENINGKATAN GRED KHAS PROFESOR**

|    |   |  |  |  |
|----|---|--|--|--|
| 4. | <b>KEPIMPINAN AKADEMIK &amp; PENGURUSAN</b> |  |  |  |
|    | i.  | Jawatan pentadbiran di Universiti atau menunjukkan kepimpinan akademik dan pengurusan  |  |  |
|    | ii.   | Penglibatan dan memberi sumbangan berkesan dalam Jawatankuasa peringkat Fakulti/Institut/Pusat   |  |  |
|    | iii.  | Memegang jawatan Pentadbiran Universiti dan menerajui perubahan impak  |  |  |
| 5. | <b>KHIDMAT MASYARAKAT DAN INDUSTRI</b>      |  |  |  |
|    | i.  | Menerajui kepimpinan persatuan saintifik atau badan profesional, atau pertubuhan sivil dan kemasyarakatan yang berkaitan dengan bidang |  |  |
|    | ii.   | AJK/Pengerusi/Setiausaha untuk aktiviti/persatuan yang memberi impak tinggi kepada Universiti, masyarakat, negara dan antarabangsa     |  |  |
|    | iii.  | Memberi sumbangan berimpak dalam khidmat masyarakat  |  |  |
|    | iv.   | Penghasilan impak terus kepada perubahan kualiti hidup masyarakat melalui penyelidikan dan pendidikan                                  |  |  |

**SENARAI SEMAK PENINGKATAN GRED KHAS PROFESOR**

**C. PROSEDUR**

| BIL.  | PERKARA  | ADA | TIADA | SEMAKAN BSM |
|---|--|-----|-------|-------------|
| Pencalonan melalui Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat: |  |     |       |             |
| 1.  | Latar diri (CV) yang mengandungi perkara B1 – B 5 berserta dengan lampiran surat/dokumen yang berkaitan bermula daripada tarikh pelantikan gred Profesor terkini |     |       |             |
| 2.  | Esei 600 patah perkataan mengenai kecemerlangan calon dalam perkara B1 – B5 serta perancangan selepas dinaikkan gred   |     |       |             |
| 3.  | menamakan tiga (3) penilai luar dalam bidang calon/khusus  |     |       |             |
| 4.  | dokumen yang telah lengkap perlu dikemukakan ke Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar   |     |       |             |
| Pencalonan melalui Naib Canselor:                         |  |     |       |             |
| 1.  | Latar diri (CV) yang mengandungi perkara B1 – B 5 berserta dengan lampiran surat/dokumen yang berkaitan bermula daripada tarikh pelantikan gred Profesor terkini |     |       |             |
| 2.  | Esei 600 patah perkataan mengenai kecemerlangan calon dalam perkara B1 – B5 serta perancangan selepas dinaikkan gred   |     |       |             |
| 3.  | dokumen yang telah lengkap perlu dikemukakan ke Pejabat Naib Canselor  |     |       |             |
| 4.  | tiga (3) penilai luar dinamakan oleh Naib Canselor   |     |       |             |

**UNTUK KEGUNAAN BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
JABATAN PENDAFTAR**

Terima permohonan : .....

Disemak oleh : .....

- i. Permohonan tapisan keselamatan (SPRM atas talian);
- ii. Pengisytiharan harta;
- iii. Laporan tatatertib;
- iv. Status Kebankrapan;
- v. Tiga (3) laporan pakar dalam bidang calon/ khusus atau pentadbiran

|                          |
|--------------------------|
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |



**GARIS PANDUAN PENINGKATAN GRED PROFESOR DARI GRED KHAS C (VK7) KE GRED KHAS B (VK6) DAN PROFESOR GRED KHAS B (VK6) KE GRED KHAS A (VK5)  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
(Kelulusan LPU Bil.1/2024 bertarikh 18 Januari 2024)**

## 1.0 SYARAT AM

Calon yang telah **memenuhi syarat kelayakan dan kriteria** boleh dicalonkan oleh Naib Canselor dan Fakulti/Institut/Pusat bagi peningkatan gred dari Profesor Gred Khas C (VK7) ke Gred Khas B (VK6) dan Profesor Gred Khas B (VK6) ke Gred Khas A (VK5) pada bila-bila masa sepanjang tahun.

## 2.0 SYARAT KELAYAKAN

2.1 Calon hendaklah terdiri dari **Profesor berstatus Tetap** di UKM.

2.2 Calon telah menyampaikan dan menerbitkan **Syarahan Perdana** bagi peningkatan gred dari Profesor Gred Khas C (VK7) ke Gred Khas B (VK6).

Penerbitan Syarahan Perdana boleh disetarakan dengan penerbitan kompilasi mengandungi sekurang-kurangnya 10 ucapnama dalam bidang pengkhususan atau pentadbiran bagi Pentadbir Akademik yang sedang memegang jawatan Aras 2, Aras 3 dan Aras 4\* (jawatan Pro Naib Canselor sahaja).

Manuskrip tersebut perlu dinilai oleh dua (2) orang pakar bidang di kalangan Sidang Pengarang UKM atau di kalangan Pentadbir/Mantan Pentadbir Akademik yang setaraf atau lebih tinggi yang dinamakan oleh Naib Canselor. Manuskrip akan diterbitkan mengikut garis panduan penerbitan buku syarahan perdana.

Panduan Penerbitan Kompilasi Ucapnama Dalam Bidang Pengkhususan Atau Pentadbiran (Penyetaraan Syarahan Perdana) Universiti Kebangsaan Malaysia adalah seperti pada **Lampiran A**.

\*Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 11/2019 mengenai Aras Jawatan Pentadbiran Bagi Tujuan Kenaikan Pangkat Staf Akademik.

2.3 Calon berikut boleh dipertimbangkan iaitu:

2.3.1. Profesor Gred Khas C yang telah berkhidmat dengan cemerlang sekurang-kurangnya tiga (3) tahun untuk peningkatan gred ke Profesor Gred Khas B;

- 2.3.2. Profesor Gred Khas B yang telah berkhidmat dengan cemerlang sekurang-kurangnya dua (2) tahun untuk peningkatan gred ke Profesor Gred Khas A;
- 2.3.3. Pengecualian boleh diberi kepada calon yang belum memenuhi tempoh 2.3.1 dan 2.3.2 di atas dalam Gred Khas C atau Gred Khas B, yang mempunyai prestasi luar biasa; dan
- 2.3.4. Bagi calon yang akan bersara wajib (umur persaraan 55, 56, 58 dan 60 tahun) tempoh pencalonan adalah satu (1) tahun sebelum tarikh bersara wajib.

### **3.0 KRITERIA**

Kriteria utama peningkatan gred adalah Pendidikan dan Penyeliaan, Penyelidikan dan Penerbitan, Sanjungan dan Pengiktirafan, Kecemerlangan Kepimpinan dan Pengurusan serta Khidmat Masyarakat dan Industri seperti berikut:

#### **3.1 Pendidikan**

Menunjukkan aktiviti berterusan dalam bidang pendidikan dari segi:

- 3.1.1 Melaksanakan tugas pengajaran yang berkesan seperti yang ditetapkan oleh PTJ.
- 3.1.2 Menghasilkan kaedah pengajaran yang inovatif.
- 3.1.3 Mendapat penilaian yang tinggi dari pelajar secara konsisten.
- 3.1.4 Menerima anugerah pengajar cemerlang sekurang-kurangnya di peringkat PTJ atau UKM.
- 3.1.5 Melibatkan diri secara aktif di dalam penambahbaikan atau pembangunan kurikulum.
- 3.1.6 Memberi sumbangan yang bermakna kepada pengurusan/kepimpinan program akademik.
- 3.1.7 Melibatkan diri dengan penyeliaan pelajar.

#### **3.2 Penyelidikan dan Penerbitan**

##### **3.2.1 Penyelidikan**

- i. Memperoleh dana penyelidikan dalam dan luar negara.
- ii. Menyelia pelajar siswazah.
- iii. Menghasilkan inovasi dan pengkomersialan.
- iv. Membuat jaringan penyelidikan dengan pihak luar.
- v. Kepimpinan penyelidikan.
- vi. Impak penyelidikan (termasuk kertas polisi dan sebagainya).
- vii. Rundingan penyelidikan.



### 3.2.2 **Penerbitan**

- i. Penulisan dalam Jurnal berimpak tinggi.
- ii. Menghasilkan buku hasil penyelidikan yang berimpak.

## 3.3 **Sanjungan dan Pengiktirafan**

3.3.1 Dijemput memberi *keynote address* (ucap utama).

3.3.2 Dijemput mengetuai dalam Jawatankuasa antarabangsa dalam bidang masing-masing.

3.3.3 Dijemput sebagai Pemeriksa Luar dan Penilai Program.

3.3.4 Anugerah dan Pengiktirafan.

3.3.5 Dipinjamkan ke organisasi luar sesuai dengan bidang kepakaran.

## 3.4 **Kepimpinan Akademik & Pengurusan**

3.4.1 Pernah menjawat jawatan Pentadbiran di Universiti atau menunjukkan kepimpinan akademik dan pengurusan.

3.4.2 Penglibatan dan memberi sumbangan berkesan dalam Jawatankuasa peringkat Fakulti / Pusat / Institut / Universiti.

3.4.3 Memegang jawatan Pentadbiran Universiti dan menerajui perubahan impak.

## 3.5 **Khidmat Masyarakat dan Industri**

3.5.1 Menerajui kepimpinan persatuan saintifik atau badan profesional, atau pertubuhan sivil dan kemasyarakatan yang berkaitan dengan bidang.

3.5.2 Sebagai ahli Jawatankuasa, Pengerusi / Setiausaha untuk aktiviti / persatuan yang memberi impak tinggi kepada Universiti, masyarakat, negara atau antarabangsa sekurang-kurangnya.

3.5.3 Memberi sumbangan berimpak dalam khidmat masyarakat.

3.5.4 Penghasilan impak terus kepada perubahan kualiti hidup masyarakat melalui penyelidikan dan pendidikan.

Perincian lima (5) kriteria tersebut di atas adalah seperti di **Lampiran B**.

## 4.0 PROSEDUR

### 4.1. Pencalonan melalui Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat:

- 4.1.1 perlu mengemukakan latar diri (c.v) calon yang mengandungi perkara 3.1 - 3.5 dengan lampiran surat/dokumen yang berkaitan bermula daripada tarikh pelantikan gred Profesor terkini.
- 4.1.2 esei 600 patah perkataan mengenai kecemerlangan calon dalam perkara 3.1 - 3.5 serta perancangan selepas dinaikkan gred.
- 4.1.3 menamakan tiga (3) penilai luar dalam bidang calon/khusus.
- 4.1.4 dokumen yang telah lengkap (perkara 4.1.1 hingga 4.1.3) perlu dikemukakan ke Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.

### 4.2 Pencalonan melalui Naib Canselor:

- 4.2.1 calon perlu mengemukakan latar diri (c.v) yang mengandungi perkara 3.1 - 3.5 dengan lampiran surat/dokumen yang berkaitan bermula daripada tarikh pelantikan gred Profesor terkini.
- 4.2.2 esei 600 patah perkataan mengenai kecemerlangan calon dalam perkara 3.1 - 3.5 serta perancangan selepas dinaikkan gred.
- 4.2.3 dokumen yang telah lengkap (perkara 4.2.1 dan 4.2.2) perlu dikemukakan ke Pejabat Naib Canselor.
- 4.2.4 tiga (3) penilai luar dinamakan oleh Naib Canselor.

### 4.3 Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar akan menguruskan:

- 4.3.1 permohonan tapisan keselamatan (SPRM atas talian);
- 4.3.2 pengisytiharan harta;
- 4.3.3 laporan tatatertib;
- 4.3.4 Status Kebankrapan, dan
- 4.3.5 tiga (3) laporan pakar dalam bidang calon/khusus atau pentadbiran.\*\*\*

\*\*\*Statut Universiti Kebangsaan Malaysia (Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik 2010)

### 4.4 Permohonan calon akan dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Peningkatan Gred Profesor yang keahliannya terdiri daripada:

#### **Pengerusi:**

Naib Canselor

**Ahli:**

2 orang Ahli LPU;

2 orang Ahli Senat (Gred Khas A atau B);

Seorang Timbalan Naib Canselor (Gred Khas A atau B);

Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat (untuk memberi ulasan terhadap calon)

**Setiausaha:**

Pendaftar

**Urus setia:**

Timbalan Pendaftar, BSM

- 4.5 Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Peningkatan Gred Profesor akan dijalankan sebanyak dua (2) kali setahun.
- 4.6 Perakuan keputusan Jawatankuasa Pemilih Peningkatan Gred Profesor dikemukakan untuk makluman Lembaga Pengarah Universiti; dan
- 4.7 Surat tawaran/ makluman kepada calon berjaya dan tidak berjaya dikeluarkan oleh Pendaftar.

## 5.0 PENILAIAN

- 5.1 Persetujuan majoriti Jawatankuasa Pemilih Peningkatan Gred Profesor perlu mencapai skor cemerlang bagi kelima-lima kriteria.
- 5.2 Calon dinilai mengikut 5 kriteria dari (3.1-3.5) dan bagi setiap kriteria diberi keputusan mengikut ketetapan berikut:
  - Cemerlang
  - Baik
  - Sederhana
- 5.2.1 bagi peningkatan gred dari Profesor Gred Khas C ke Profesor Gred Khas B, calon perlu mencapai skor 4 cemerlang dan 1 baik;
- 5.2.2 bagi peningkatan gred Profesor Gred Khas B ke Gred Khas A, calon perlu:
  - terus menerus untuk tempoh dua (2) tahun mencapai 4 cemerlang dan 1 baik dalam Pendidikan dan Penyeliaan, Penyelidikan dan Penerbitan, Kecemerlangan Kepimpinan dan Pengurusan serta Khidmat Masyarakat dan Industri.
- 5.3 Walau bagaimanapun, dalam keadaan istimewa Jawatankuasa Pemilih Peningkatan Gred Profesor boleh memberi pertimbangan khas Peningkatan Gred dari Profesor Gred Khas C ke Profesor Gred Khas A dan perlu berada pada Gred Khas B dalam tempoh enam (6) bulan atau ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilih kepada mana-mana calon yang menunjukkan kecemerlangan luar biasa mutunya bagi kriteria-kriteria di atas. Selepas genap tempoh enam (6) bulan, Bahagian Sumber Manusia akan mendapatkan perakuan dan kelulusan semula Jawatankuasa Pemilih Peningkatan Gred dari Gred Khas B ke Gred Khas A.

## **Rujukan:**

*T.E.R.A.S Naratif Baharu UKM Universiti Watan Kita. 2022. Bangi: Pusat Strategi UKM.*

*Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Farmasi, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian berkuatkuasa 1 Julai 2016.*

*Minit Mesyuarat MPU Bil. 12/2015 bertarikh 4 Disember 2015 dan 17 Disember 2015 Perkara X (1) Governan Kertas 1: Cadangan Pindaan Garis Panduan Peningkatan Gred Profesor Dari Gred Khas C (VK7) ke Gred Khas B (VK6) dan Profesor Gred Khas B (VK6) ke Gred Khas A (VK5).*

*Minit Mesyuarat Semakan Semula Garis Panduan Peningkatan Gred Profesor Bil. 1/2015 pada 17 September 2015.*

*Minit Mesyuarat LPU Bil. 2/2015 bertarikh 11 Jun 2015 Perkara 1 Kertas Bil. 22/2015: Cadangan Pindaan Garis Panduan Peningkatan Gred Profesor dari Gred Khas C (VK7) Ke Gred Khas B (VK6) / Profesor Gred Khas B (VK6) Ke Gred Khas A (VK5).*

*Minit Mesyuarat MPU Bil. 1/2015 bertarikh 13 Januari 2015 Perkara VI(2) KRA 4 Kertas II: Cadangan Pindaan Kriteria dan Prosedur Peningkatan Gred Profesor dari Gred Khas C (VK7) ke Gred Khas B (VK6) dan Profesor Gred Khas B (VK6) ke Gred Khas A (VK5).*

*Minit Mesyuarat MPU Bil. 14/2014 bertarikh 25 November 2014 Perkara VI(3) KRA 4 Kertas V: Cadangan Pindaan Kriteria dan Prosedur Peningkatan Gred Profesor Dari Gred Khas C (VK7) Ke Gred Khas B (VK6) dan Profesor Gred Khas B (VK6) ke Gred Khas A (VK5).*

*Minit Mesyuarat MPU Bil. 10/2012 bertarikh 8 Mei 2012 Perkara VI(10): Cadangan Kriteria Peningkatan Gred Profesor (C ke B dan B ke A).*

*Minit Mesyuarat MPU Bil. 8/2012 bertarikh 17 April 2012 Perkara VI(10): Cadangan Kriteria Peningkatan Gred Profesor (C ke B dan B ke A).*

*Minit Mesyuarat LPU Bil. 4/2011 bertarikh 12 Mei 2011 (perkara 2): Prestasi luar biasa calon yang tidak memenuhi syarat tempoh.*

*Pekeliling Perkhidmatan Bil 15 tahun 2010 bertarikh 15 Disember 2010: Perubahan Perbekalan Kenaikan Pangkat Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah UiTM.*

*Minit Mesyuarat LPU Bil 5/2010 bertarikh 7 Oktober 2010 Perkara IX (1) : Kertas Kerja Bil. 86/2010: Kriteria Peningkatan Gred Dan Lantikan Jawatan Profesor dari Profesor Gred Khas C (VK7) Ke Gred Khas B (VK6) dan Profesor Gred Khas B ke Gred Khas A (VK5).*

*Statut Universiti Kebangsaan Malaysia (Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik 2010)*

**PANDUAN PENERBITAN KOMPILASI UCAPTAMA DALAM BIDANG PENGKHUSUSAN ATAU PENTADBIRAN  
(PENYETARAAN SYARAHAN PERDANA)  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**


1. Sifat Teks dan Kandungan Kompilasi Ucaptama
  - a. Teks kompilasi ucaptama merupakan kompilasi ucaptama seseorang Profesor yang belum pernah diterbitkan dan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.
  - b. Ia hendaklah mengandungi 10 ucaptama dalam bidang pengkhususan ATAU pentadbiran sahaja. Teks harus tertumpu dalam salah satu bidang sahaja bagi menentukan tema penerbitan kompilasi ucaptama tersebut.
  
2. Bentuk Teks
  - a. Kompilasi ucaptama ini akan diterbitkan mengikut garis panduan penerbitan buku syarahan perdana. Terdapat sedikit perbezaan dari segi abstrak (untuk buku syarahan perdana) yang ditiadakan dan ditukar kepada prakata (untuk buku kompilasi) bagi menggambarkan keseluruhan idea buku kompilasi berkenaan.
  - b. Pengarang perlu memastikan bentuk tulisan dan kandungan bahan ditulis mengikut format berikut:
    - i. **Judul Kompilasi Ucaptama**  
Pengarang perlu mencadangkan judul/tema kompilasi ucaptama
    - ii. **Prakata**  
Pengarang perlu menyatakan secara ringkas kandungan setiap ucaptama dalam prakata.
    - iii. **Kandungan Teks**  
Kompilasi 10 ucaptama sama ada dalam bidang pengkhususan ATAU pentadbiran. Kompilasi ini perlu mengandungi sekurang-kurangnya 20,000 hingga 30,000 patah perkataan sahaja.
    - iv. **Penghargaan**
    - v. **Biodata Pengarang**  
Biodata ringkas pengarang perlu mengandungi maklumat tentang kelahiran, pendidikan, kerjaya, bidang pengajaran, bidang pengkhususan/bidang pentadbiran, sumbangan dan anugerah yang berkaitan. Ia dihadkan kepada 150 patah perkataan sahaja.
    - vi. **Lampiran**  
Pengarang perlu menyertakan gambar-gambar berkaitan dengan ucaptama sebagai lampiran.
  - c. Tempoh kertas ucaptama yang dikemukakan hendaklah bermula dari lantikan jawatan pentadbiran semasa sahaja.
  
3. Tatacara Penyerahan dan Pertimbangan Teks Kompilasi Ucaptama
  - a. Profesor hendaklah menyerahkan teks kompilasi ucaptama kepada Pejabat Dekan atau Pengarah fakulti/institut.
  - b. Fakulti/institut hendaklah mewujudkan jawatankuasa kesepakaran untuk menilai kandungan teks kompilasi ucaptama di peringkat fakulti/institut.
  - c. Jawatankuasa kesepakaran peringkat fakulti/institut hendaklah bermesyuarat bagi menimbangkan kesesuaian dan ketepatan teks kompilasi ucaptama serta menyediakan laporan bertulis. Sekiranya tiada kepakaran yang setara di fakulti/institut, kepakaran tersebut boleh diperoleh di fakulti lain di dalam Universiti Kebangsaan Malaysia.
  - d. Laporan Penilaian tersebut hendaklah diserahkan kepada Profesor sebagai panduan memperbaiki teks.

- e. Profesor/Dekan/Pengarah hendaklah menghantar teks kompilasi ucaptama yang telah dibaiki bersama laporan kesepakatan kepada Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi dan Penerbit UKM.
- f. Urus setia menghantar salinan teks kompilasi ucaptama kepada ahli Sidang Pengarang Syarahan Perdana (bagi kompilasi ucaptama dalam bidang pengkhususan) atau kepada Pentadbir/Mantan Pentadbir Akademik yang setaraf atau lebih tinggi yang dinamakan oleh Naib Canselor (bagi kompilasi ucaptama dalam bidang pentadbiran).
- g. Ahli Sidang Pengarang Syarahan Perdana akan bermesyuarat bagi menimbangkan kelulusan teks kompilasi ucaptama yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi.

Disediakan oleh:

Urus setia Syarahan Perdana  
Penerbit UKM

## CARTA ALIR PROSES PENERBITAN SP UKM





**PERINCIAN KRITERIA BAGI PENINGKATAN GRED PROFESOR ATAU LANTIKAN DARI PROFESOR GRED KHAS C (VK7) KE GRED KHAS B (VK6) DAN PROFESOR GRED KHAS B KE GRED KHAS A (VK5)**

| KRITERIA          | LANTIKAN DARI PROFESOR GRED KHAS C (VK7) KE GRED KHAS B (VK6)  | LANTIKAN DARI PROFESOR GRED KHAS B KE GRED KHAS A (VK5)  |
|-------------------|--|--|
| <b>Pendidikan</b> | <p>a. Telah melaksanakan tugas pengajaran yang berkesan seperti yang ditetapkan oleh PTJ.</p> <p>b. Telah menghasilkan kaedah pengajaran yang inovatif (Contoh: Modul, penambahbaikan kurikulum, testimoni pelajar, <i>handbook</i>, penerbitan, e-pembelajaran dan lain-lain).</p> <p>c. Mendapat penilaian yang tinggi dari pelajar secara konsisten.</p> <p>d. Pernah mendapat anugerah pengajar cemerlang sekurang-kurangnya di peringkat PTJ atau UKM.</p> <p>e. Melibatkan diri secara aktif di dalam penambahbaikan atau pembangunan kurikulum.</p> <p>f. Memberi sumbangan yang bermakna kepada pengurusan/keimpinan program akademik.</p> <p>g. Terlibat dengan penyeliaan pelajar (latihan industri / prasiswazah / <i>fellowship training</i> dan lain-lain).</p> <p>(5-7 Cemerlang, 3-4 Baik, 1-2 Sederhana)</p> | <p>a. Telah melaksanakan tugas pengajaran yang berkesan seperti yang ditetapkan oleh PTJ.</p> <p>b. Telah menghasilkan kaedah pengajaran yang inovatif (Contoh: Modul, penambahbaikan kurikulum, testimoni pelajar, <i>handbook</i>, penerbitan, e-pembelajaran dan lain-lain).</p> <p>c. Mendapat penilaian yang tinggi dari pelajar secara konsisten.</p> <p>d. Pernah mendapat anugerah pengajar cemerlang sekurang-kurangnya di peringkat PTJ atau UKM.</p> <p>e. Melibatkan diri secara aktif di dalam penambahbaikan atau pembangunan kurikulum.</p> <p>f. Memberi sumbangan yang bermakna kepada pengurusan/keimpinan program akademik.</p> <p>g. Terlibat dengan penyeliaan pelajar (latihan industri / prasiswazah / <i>fellowship training</i> dan lain-lain).</p> <p>(5-7 Cemerlang, 3-4 Baik, 1-2 Sederhana)</p> |



| KRITERIA                             | LANTIKAN DARI PROFESOR<br>GRED KHAS C (VK7) KE GRED KHAS B (VK6)   | LANTIKAN DARI PROFESOR<br>GRED KHAS B KE GRED KHAS A (VK5)   |
|--------------------------------------|--|--|
| <b>Penyelidikan &amp; Penerbitan</b> | <p><b>Penyelidikan</b></p> <p>a. Dana penyelidikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perolehan dana (dalam / luar negara)<br/><b>Bidang Sains:</b> jumlah RM 1 juta.<br/><b>Bidang Sains Sosial &amp; Kemanusiaan:</b> Jumlah RM 500,000.00.</li> <li>• Minimum 2 projek dana luar sebagai Ketua Projek</li> </ul> <p>b. Penyeliaan pelajar siswazah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bidang Sains Sosial: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjadi penyelia utama untuk 3 pelajar PhD dan penyelia untuk 2 pelajar Master/ Sarjana</li> </ul> </li> <li>• Bidang Sains &amp; Teknologi: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjadi penyelia utama untuk 3 pelajar PhD dan penyelia untuk 2 pelajar Master/ Sarjana</li> </ul> </li> <li>• Bidang Sains Kesihatan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjadi penyelia utama untuk 3 pelajar PhD dan penyelia untuk 2 pelajar Master/ Sarjana</li> </ul> </li> </ul> <p>c. Inovasi dan pengkomersialan</p> <p>d. Jaringan Penyelidikan dengan pihak luar</p> <p>e. Kepimpinan penyelidikan</p> <p>f. Impak penyelidikan (termasuk kertas polisi dan sebagainya)</p> | <p><b>Penyelidikan</b></p> <p>a. Dana penyelidikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perolehan dana (dalam / luar negara)<br/><b>Bidang Sains:</b> jumlah RM 1 juta.<br/><b>Bidang Sains Sosial &amp; Kemanusiaan:</b> Jumlah RM 500,000.00.</li> <li>• Minimum 2 projek dana luar sebagai Ketua Projek</li> </ul> <p>b. Penyeliaan pelajar siswazah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bidang Sains Sosial: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjadi penyelia utama untuk 3 pelajar PhD dan penyelia untuk 2 pelajar Master/ Sarjana</li> </ul> </li> <li>• Bidang Sains &amp; Teknologi: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjadi penyelia utama untuk 3 pelajar PhD dan penyelia untuk 2 pelajar Master/ Sarjana</li> </ul> </li> <li>• Bidang Sains Kesihatan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjadi penyelia utama untuk 3 pelajar PhD dan penyelia untuk 2 pelajar Master/ Sarjana</li> </ul> </li> </ul> <p>c. Inovasi dan pengkomersialan</p> <p>d. Jaringan Penyelidikan dengan pihak luar</p> <p>e. Kepimpinan penyelidikan</p> <p>f. Impak penyelidikan (termasuk kertas polisi dan sebagainya)</p> |

| KRITERIA | LANTIKAN DARI PROFESOR<br>GRED KHAS C (VK7) KE GRED KHAS B (VK6)  | LANTIKAN DARI PROFESOR<br>GRED KHAS B KE GRED KHAS A (VK5)   |
|----------|---|--|
|          | <p>g. Rundingan penyelidikan<br/>(5-7 Cemerlang, 3-4 Baik, 1-2 Sederhana)</p> <p><b>Penerbitan</b></p> <p>a. <b>Bidang Sains &amp; Teknologi:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memenuhi KPI RU dalam artikel jurnal terindeks 2.5 setahun purata;</li> <li>• 20 artikel WOS (Q1-Q4) sekurang-kurangnya 10 artikel yang menyerlah bidang kepakaran calon sebagai pengarang utama / <i>corresponding author</i> dikira selepas dilantik sebagai Profesor VK7 (Gred Khas C);</li> <li>• Lima (5) artikel dalam Q1/Q2 sebagai pengarang utama/ <i>corresponding author</i>; dan</li> <li>• Citation: 500</li> </ul> <p style="text-align: right;">(4 Cemerlang, 3 Baik, 1-2 Sederhana)</p> <p>b. <b>Bidang Sains Sosial:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memenuhi KPI RU dalam artikel jurnal terindeks/ buku karya asli (bukan buku suntingan) 2.5 setahun purata;</li> <li>• 20 artikel WOS (Q1-Q4)/ SCOPUS sekurang-kurangnya 10 artikel/ buku karya asli (bukan buku suntingan) yang menyerlah bidang kepakaran calon sebagai pengarang utama</li> </ul> | <p>g. Rundingan penyelidikan<br/>(5-7 Cemerlang, 3-4 Baik, 1-2 Sederhana)</p> <p><b>Penerbitan</b></p> <p>a. <b>Bidang Sains &amp; Teknologi:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memenuhi KPI RU dalam artikel jurnal terindeks 2.5 setahun purata;</li> <li>• 20 artikel WOS (Q1-Q4)/ SCOPUS sekurang-kurangnya 10 artikel yang menyerlah bidang kepakaran calon sebagai pengarang utama / <i>corresponding author</i> dikira selepas dilantik sebagai Profesor VK6 (Gred Khas B);</li> <li>• Lima (5) artikel dalam Q1/Q2 sebagai pengarang utama/ <i>corresponding author</i>; dan</li> <li>• Citation: 500.</li> </ul> <p style="text-align: right;">(4 Cemerlang, 3 Baik, 1-2 Sederhana)</p> <p>b. <b>Bidang Sains Sosial:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memenuhi KPI RU dalam artikel jurnal terindeks/ buku karya asli (bukan buku suntingan) 2.5 setahun purata;</li> <li>• 20 artikel WOS (Q1-Q4)/ SCOPUS sekurang-kurangnya 10 artikel/ buku karya asli (bukan buku suntingan) yang menyerlah bidang kepakaran calon sebagai pengarang utama /</li> </ul> |

| KRITERIA  | LANTIKAN DARI PROFESOR<br>GRED KHAS C (VK7) KE GRED KHAS B (VK6)   | LANTIKAN DARI PROFESOR<br>GRED KHAS B KE GRED KHAS A (VK5)   |
|---|--|--|
|   | <p data-bbox="415 237 1134 305"><i>/ corresponding author</i> dikira selepas dilantik sebagai Profesor VK7 (Gred Khas C);</p> <ul data-bbox="369 347 1134 529" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="369 347 1134 415">• Dua artikel dalam Q1 hingga Q4 sebagai pengarang utama/<i>corresponding author</i>; dan</li> <li data-bbox="369 457 1134 529">• Citation: 100.<br/>(3 Cemerlang, 2 Baik, 1 Sederhana)</li> </ul> <p data-bbox="317 607 684 639"><b>c. Bidang Sains Kesihatan:</b></p> <ul data-bbox="369 678 1134 1081" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="369 678 1134 747">• Memenuhi KPI RU dalam artikel jurnal terindeks 2.5 setahun purata;</li> <li data-bbox="369 789 1134 932">• 20 artikel WOS (Q1-Q4)/ <i>SCOPUS</i> sekurang-kurangnya 10 artikel yang menyerlah bidang kepakaran calon sebagai pengarang utama / <i>corresponding author</i> dikira selepas dilantik sebagai Profesor VK7 (Gred Khas C); dan</li> <li data-bbox="369 974 1134 1081">• Lima artikel dalam Q1/Q2 sebagai pengarang utama/<i>corresponding author</i>.<br/>(3 Cemerlang, 2 Baik, 1 Sederhana)</li> </ul> | <p data-bbox="1255 237 1974 305"><i>corresponding author</i> dikira selepas dilantik sebagai Profesor VK6 (Gred Khas B);</p> <ul data-bbox="1209 347 1974 529" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1209 347 1974 415">• Dua artikel dalam Q1 hingga Q4 sebagai pengarang utama/<i>corresponding author</i>; dan</li> <li data-bbox="1209 457 1974 529">• Citation: 100.<br/>(3 Cemerlang, 2 Baik, 1 Sederhana)</li> </ul> <p data-bbox="1157 607 1524 639"><b>c. Bidang Sains Kesihatan:</b></p> <ul data-bbox="1209 678 1974 1081" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1209 678 1974 747">• Memenuhi KPI RU dalam artikel jurnal terindeks 2.5 setahun purata;</li> <li data-bbox="1209 789 1974 932">• 20 artikel WOS (Q1-Q4)/ <i>SCOPUS</i> sekurang-kurangnya 10 artikel yang menyerlah bidang kepakaran calon sebagai pengarang utama / <i>corresponding author</i> dikira selepas dilantik sebagai Profesor VK6 (Gred Khas B); dan</li> <li data-bbox="1209 974 1974 1081">• Lima artikel dalam Q1/Q2 sebagai pengarang utama/<i>corresponding author</i>.<br/>(3 Cemerlang, 2 Baik, 1 Sederhana)</li> </ul> |
| <p data-bbox="128 1159 289 1263"><b>Sanjungan dan Pengiktirafan</b></p> | <p data-bbox="317 1159 516 1192">a. Persidangan</p> <ul data-bbox="369 1234 1134 1338" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="369 1234 1134 1338">• Ucaptama atau Plenari: <ul data-bbox="415 1276 1134 1338" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="415 1276 1134 1338">- 4 persidangan peringkat kebangsaan dan 2 antarabangsa yang berprestij peringkat kebangsaan;</li> </ul> </li> </ul>  | <p data-bbox="1157 1159 1356 1192">a. Persidangan</p> <ul data-bbox="1209 1234 1974 1338" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1209 1234 1974 1338">• Ucaptama atau Plenari: <ul data-bbox="1276 1276 1974 1338" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1276 1276 1974 1338">- 4 persidangan peringkat kebangsaan dan 2 antarabangsa yang berprestij peringkat kebangsaan;</li> </ul> </li> </ul>  |

| KRITERIA                                    | LANTIKAN DARI PROFESOR<br>GRED KHAS C (VK7) KE GRED KHAS B (VK6)  | LANTIKAN DARI PROFESOR<br>GRED KHAS B KE GRED KHAS A (VK5)  |
|---|---|---|
|   | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjadi penilai luar/ pemeriksa luar Editor jurnal berindeks (program/ kenaikan pangkat ke jawatan Profesor (3) / proposal penyelidikan antarabangsa dll).</li> <li>b. Dijemput menganggotai dalam Jawatankuasa kebangsaan atau antarabangsa.</li> <li>c. Anugerah dan pengiktirafan (Contoh: <i>fellowship</i> / <i>research award</i> dan lain-lain).</li> <li>d. Dipinjam ke organisasi luar dalam bidang kepakaran.</li> <li>e. Pakar rujuk/ rundingan/ penjaan dalam bidang kepakaran (7).</li> </ul> <p style="text-align: center;">(4-5 Cemerlang, 2-3 Baik, 1 Sederhana)</p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjadi penilai luar/ pemeriksa luar Editor jurnal berindeks (program/ kenaikan pangkat ke jawatan Profesor (3) / proposal penyelidikan antarabangsa dll).</li> <li>b. Dijemput menganggotai dalam Jawatankuasa kebangsaan atau antarabangsa.</li> <li>c. Anugerah dan pengiktirafan (Contoh: <i>fellowship</i> / <i>research award</i> dan lain-lain).</li> <li>d. Dipinjam ke organisasi luar dalam bidang kepakaran.</li> <li>e. Pakar rujuk/ rundingan/ penjaan dalam bidang kepakaran (7).</li> </ul> <p style="text-align: center;">(4-5 Cemerlang, 2-3 Baik, 1 Sederhana)</p> |
| <b>Kepimpinan Akademik &amp; Pengurusan</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pernah menjawat jawatan Pentadbiran di Universiti atau menunjukkan kepimpinan akademik dan pengurusan.</li> <li>b. Penglibatan dan memberi sumbangan berkesan dalam Jawatankuasa peringkat Fakulti / Pusat / Institut / Universiti.</li> <li>c. Memegang jawatan Pentadbiran Universiti dan menerajui perubahan impak.</li> </ul> <p style="text-align: center;">(3 Cemerlang, 2 Baik, 1 Sederhana)</p>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pernah menjawat jawatan Pentadbiran di Universiti atau menunjukkan kepimpinan akademik dan pengurusan.</li> <li>b. Penglibatan dan memberi sumbangan berkesan dalam Jawatankuasa peringkat Fakulti / Pusat / Institut / Universiti.</li> <li>c. Memegang jawatan Pentadbiran Universiti dan menerajui perubahan impak.</li> </ul> <p style="text-align: center;">(3 Cemerlang, 2 Baik, 1 Sederhana)</p>   |
| <b>Khidmat Masyarakat &amp; Industri</b>    | <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Menerajui kepimpinan persatuan saintifik atau badan profesional, atau pertubuhan sivil dan kemasyarakatan yang berkaitan dengan bidang.</li> </ul>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Menerajui kepimpinan persatuan saintifik atau badan profesional, atau pertubuhan sivil dan kemasyarakatan yang berkaitan dengan bidang.</li> </ul>  |

| KRITERIA | LANTIKAN DARI PROFESOR<br>GRED KHAS C (VK7) KE GRED KHAS B (VK6)   | LANTIKAN DARI PROFESOR<br>GRED KHAS B KE GRED KHAS A (VK5)   |
|----------|--|--|
|          | <p>b. Sebagai ahli Jawatankuasa, Pengerusi / Setiausaha untuk aktiviti / persatuan yang memberi impak tinggi kepada Universiti, masyarakat, negara atau antarabangsa sekurang-kurangnya dua (2).</p> <p>c. Memberi sumbangan berimpak dalam khidmat masyarakat.</p> <p>d. Penghasilan impak terus kepada perubahan kualiti hidup masyarakat melalui penyelidikan dan pendidikan.</p> <p>(4-5 Cemerlang, 2-3 Baik, 1 Sederhana)</p> | <p>b. Sebagai ahli Jawatankuasa, Pengerusi / Setiausaha untuk aktiviti / persatuan yang memberi impak tinggi kepada Universiti, masyarakat, negara atau antarabangsa sekurang-kurangnya dua (2).</p> <p>c. Memberi sumbangan berimpak dalam khidmat masyarakat.</p> <p>d. Penghasilan impak terus kepada perubahan kualiti hidup masyarakat melalui penyelidikan dan pendidikan.</p> <p>(4-5 Cemerlang, 2-3 Baik, 1 Sederhana)</p> |